

Kajian Netnografi Masyarakat Pelbagai Etnik di Facebook Mengenai Kajian Kontrak Sosial

KHADIJAH MUDA
SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR
SITI NOR BAYA YACOB
Universiti Sains Islam Malaysia

KHAIRUL ANWAR @ JOHARI MASTOR
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Media sosial merupakan platform yang menyerlahkan pemikiran dan tingkah laku sebenar individu dalam masyarakat. Isu-isu sensitif seperti isu bahasa, agama, hak istimewa orang Melayu dan sistem beraja senang diluahkan di media sosial. Isu-isu ini sering menimbulkan perdebatan dan pertelingkahan dalam masyarakat. Maka, satu kajian kualitatif telah dijalankan melalui kaedah netnografi yang bertujuan untuk meninjau realiti persepsi pengguna di media sosial terhadap kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan. Sampel kajian terdiri daripada Informan yang merupakan pengguna media sosial yang memberi komen di setiap hantaran dalam halaman Facebook Kajian Kontrak Sosial. Dua jenis hantaran telah dibuat iaitu perkongsian formal dan tidak formal. Hasil dapatan menunjukkan penerimaan Informan majoritinya berbeza mengikut etnik, iaitu etnik Melayu lebih cenderung menerima atau bersikap lebih positif terhadap perbincangan mengenai kontrak sosial, manakala masyarakat bukan Melayu menerima dengan sikap bercampur baur serta lebih mudah beremosi terhadap perkara ini. Sikap tidak berpuas hati serta prejudis etnik bukan Melayu terpapar melalui respon atau tindak balas yang beremosi serta turut mengaitkannya dengan unsur politik perkauman. Lapan tema telah dihasilkan daripada analisis ini, iaitu i) sentimen perkauman, ii) ekonomi, iii) politik, iv) pengetahuan terhadap kontrak sosial, v) istilah kontrak sosial, vi) emosi terhadap kontrak sosial, vii) isu warganegara dan hak istimewa, viii) komen membina dan cadangan akan datang. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan etnik bukan Melayu kurang berpuas hati dengan istilah dan elemen-elemen kontrak sosial serta dikaitkan dengan sentimen politik, bangsa dan ekonomi. Walaupun ramai Informan yang dilihat menjawab dengan fakta, namun tidak dinafikan emosi banyak memberi kesan kepada penulisan Informan.

Kata kunci: *Perpaduan, unsur tradisi, perlembagaan persekutuan, media sosial, multietnik.*

Netnography Study of the Reality Expression of Multi-Ethnic Facebook Communities on the Study of Social Contracts

ABSTRACT

Social media is a platform that highlights the real thoughts and behaviors of individuals in society. Sensitive issues such as the issue of language, religion, Malays and natives privileges and the monarchy system expressed in social media. These issues cause debate and controversy in society. Thus, a qualitative study was conducted through a netnography method which aimed to survey the reality of Facebook user perceptions on social media towards social contract in the Federal Constitution. The study sample consisted of Informants who were Facebook users who commented on each post in the

Social Contract Study Facebook page. Two types of posts are created, namely formal and informal posts. The results showed that the acceptance of the majority of Informants differed according to ethnicity, Malays were more likely to accept or be more positive towards discussions on social contracts, while the non Malay community accepted with a mixed attitude and are more easily emotional on this matter. Dissatisfaction and prejudice among non Malay ethnic are displayed through emotional responses or reactions and are associated with racist political elements. Eight themes were created from this analysis, namely i) racial sentiments, ii) economics, iii) politics, iv) knowledge of social contracts, v) terms of social contracts, vi) emotions towards social contracts, vii) issues of citizenship and privileges, viii) constructive comments and future suggestions. The implications of this study showed that non-Malay ethnic groups are less satisfied with the terms and elements of the social contract and are associated with the political sentiment, the nation and the economy. Although many Informants were seen answering with facts, there is no denying that emotions have a lot of impact on the Informant's writing.

Keywords: *Unity, traditional elements, federal constitution, social media, multiethnic.*

PENGENALAN

Perlembagaan Persekutuan telah digunakan bermula pada 31 Ogos 1957, dan di dalamnya terkandung unsur-unsur tradisi atau secara popularnya disebut kontrak sosial. Istilah kontrak sosial sering menimbulkan perdebatan dalam kalangan masyarakat kerana istilahnya tidak wujud dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun, istilah ini sering digunakan untuk menggambarkan kesepakatan yang dipersetujui oleh wakil-wakil pemimpin etnik Melayu, Cina dan India ketika hendak mencapai kemerdekaan. Elemen yang terkandung dalam kontrak sosial atau unsur tradisi adalah bahasa Melayu, agama Islam, hak istimewa kaum bumiputera dan sistem beraja (Mohd Salleh Abas, 1985). Isu berkaitan agama Islam, bahasa Melayu, hak istimewa orang Melayu dan bumiputera dan sistem beraja kerap kali dilihat menjadi perbualan hangat di media sosial.

Pelbagai komen-komen di media sosial yang menggambarkan perasaan tidak puas hati, marah, kritikan dan ayat-ayat yang berupa hinaan, celaan dan makian dilemparkan merujuk kepada isu-isu bahasa, agama, kedudukan orang Melayu dan bumiputera serta sistem beraja. Wan Amizah Wan Mahmud dan Muhammad Adnan Pitchan (2017) mengatakan bahawa terdapat komen-komen yang dilihat menghina kerabat diraja. Mohd Ridzuan Abu Hassan (2020) turut mengulas laporan JAKIM yang menunjukkan banyak aduan berkaitan penghinaan agama Islam di media sosial. Isu-isu bahasa Melayu juga sering dimainkan termasuk isu papan tanda bukan berbahasa Melayu, penggunaan bahasa bukan Melayu dalam urusan rasmi dan sebagainya yang menimbulkan kemarahan masyarakat kebanyakan (Mohd Izzatul Izzuan Tahir, 2019). Seterusnya, berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera, isu yang paling hangat diperkatakan adalah cadangan untuk meratifikasikan kesamarataan hak antara semua kaum tanpa diskriminasi. Kesemua isu yang disebutkan ini merupakan isu sensitif yang terkandung dalam kategori elemen-elemen unsur tradisi atau kontrak sosial.

Menerusi laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 80 peratus daripada 21296 kes yang dilaporkan terhadap pengguna media sosial adalah kandungan berbau perkauman, manakala 20 peratus adalah berkenaan sensitiviti agama (Bernama, 2019). Pengguna media sosial dilihat bebas menyuarakan pendapat dan perasaan mereka, dan ini dapat menyerlahkan sifat dan reaksi sebenar pengguna media sosial terhadap sesuatu isu. Melalui media sosial, penerimaan kaum utama masyarakat semenanjung Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India dapat dianalisis menggunakan kajian netnografi.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Kontrak Sosial

Kupasan mengenai kontrak sosial telah ditulis oleh Abdul Aziz (2008), Mohd Rizal dan Shamrahayu (2014) serta Abd. Manaf (2009). Ulasan dan bukti yang lengkap telah dibincangkan oleh Mohd Rizal dan Shamrahayu (2014) dari aspek sejarah sebelum, semasa dan selepas kontrak sosial diperkenalkan. Abd. Manaf (2009) juga menghuraikan dengan mendalam tentang kontrak sosial. Namun penulisan Abd. Manaf (2009) adalah mengikut sudut pandang sebagai ahli politik, berbeza dengan Mohd Rizal dan Shamrahayu (2009) yang menulis mengikut sudut pandang ahli undang-undang. Namun, isi kandungannya tetap membincangkan sejarah yang sama. Mutakhir ini, ahli-ahli akademik turut mengupas tentang isu berkaitan kontrak sosial. Wan Ahmad Fauzi, Anisah, Mohamed Anwar dan Hanif (2017) berbeza pandangan dengan mengatakan kontrak sosial yang difahami ramai adalah tidak tepat dan kontrak sosial yang difahami semua telah wujud secara tradisi lagi dalam undang-undang Tanah Melayu. Khadijah, Nazri, Siti Nor Azhani dan Fazilah (2021) juga turut membincangkan berkenaan kajian berkaitan kontrak sosial di Malaysia yang mana satu kajian pilot telah dilakukan yang menunjukkan tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan responden terhadap elemen kontrak sosial adalah tinggi. Tetapi berbeza dari segi etnik. Mastura, Khadijah dan Wan Mohd Fazrul Azdi (2020) turut mengupas terhadap elemen Islam dalam kontrak sosial yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Daripada tinjauan lepas juga dapat dirumuskan bahawa kontrak sosial merupakan istilah yang dipopularkan oleh ahli-ahli politik dan istilah ini sering menimbulkan pelbagai penerimaan dari masyarakat.

Isu Berkaitan Agama, Bahasa, Orang Melayu dan Sistem Beraja dalam Media Sosial

Media sosial merupakan laman web atau aplikasi yang membolehkan pengguna mencipta, berinteraksi dan berkongsi isi kandungan dalam jaringan tanpa sempadan (Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari & Nasrudin Subhi, 2019). Antara platform media sosial yang popular di Malaysia adalah laman sesawang Facebook, Twitter, Youtube, Whatsapp, dan Instagram. Media sosial menyediakan platform yang membuka ruang sosial tanpa sempadan kepada masyarakat siber hari ini untuk berinteraksi antara satu sama lain secara maya. Ia membuka ruang bersuara individu yang boleh lahir dalam bentuk perkongsian, luahan perasaan, pandangan, ulasan isu dan sebagainya. Oleh kerana sifatnya yang terbuka dan bebas, maka ruang komunikasi ini boleh menjadi medan yang positif mahupun negatif. Kajian lepas juga menunjukkan pengguna media sosial di Malaysia lebih cenderung untuk berterus terang di media sosial, tidak seperti masyarakat Melayu tradisional yang lebih gemar meluahkan sesuatu dalam bentuk kiasan, peribahasa atau sindiran halus (Nur Atikah & Maslida, 2020).

Pada keadaan yang ekstrim dan kurang bijak, para pengguna boleh menjadikannya sebagai medan untuk meluahkan kemarahan, melakukan propaganda mahupun fitnah (Mohamad Rafiuddin, Sasikumar, Ajmain @ Jimaain, 2019). Hantaran pada media sosial yang kadang kala bertujuan baik boleh mendapat maklum balas dan penerimaan yang kurang baik daripada pembaca. Ruang keterbukaan yang diperolehi oleh para pengguna media sosial kadang kala mengheret mereka ke arah sikap kepenggunaan tanpa etika. Ketidakbijaksanaan dalam memahami etika penggunaan media sosial serta kejahilan mengurus emosi dan sentimen kemarahan kadang kala mendorong mereka membuat hantaran serta komen yang tidak baik menyentuh perkara-perkara sensitif yang sepatutnya dijaga (Rohayati & Asmadi,

2021). Selain daripada perkara yang melibatkan agama, perlembagaan dan undang-undang, Istana dan Institusi Beraja di negara ini adalah antara yang dianggap tinggi kedudukannya serta tidak boleh dipertikaikan peranan dan fungsinya sesuka hati. Bagaimanapun akhir-akhir ini, semenjak wujudnya media sosial, masyarakat semakin berani menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka sewenang-wenangnya di laman-laman media sosial mengenai perkara-perkara tersebut.

Sebagai contoh, isu mengenai pertikaian dan penghinaan terhadap institusi beraja pernah berlaku terhadap raja dan kaum kerabatnya di media sosial. Antara kes yang pernah dikenal pasti dan dianggap menghina institusi beraja dengan komen lucu dan jelak pernah dibuat oleh enam orang pengunjung portal *dreambook* terhadap Sultan Perak iaitu DYMM Sultan Azlan Shah, pernyataan yang dibuat oleh Dato Seri Mohammad Nizar di laman twitter ke atas Sultan Johor iaitu DYMM Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar berkenaan isu bidaan no kenderaan turut dianggap sebagai penghinaan terhadap institusi beraja Johor dan penghinaan dan celaan terhadap Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu oleh seorang pengguna akaun Facebook bernama Cucu Nabi (Syahira Omar & Wan Amizah Wan Mahmud, 2017; Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan, 2017). Selain itu, terdapat juga kes berkaitan penghinaan, fitnah dan hasutan terhadap kredibiliti yang Di Pertuan Agong Malaysia iaitu Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Ahmad Shah, juga merangkap Sultan Selangor (Mior Kamarulbaid Mior Shahid, 2019). Malah, Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah merekodkan sebanyak 209 laporan penghinaan terhadap Agong pada tahun 2019 (Asrol Awang, 2019). Selain itu, isu penghinaan terhadap agama Islam tetap berlaku walaupun agama Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan di Malaysia. Sebanyak 431 aduan penghinaan terhadap agama Islam di media sosial telah diterima oleh Unit Pemantauan Isu Hina Agama, Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Tambahan pula, JAKIM juga turut mengenal pasti sebanyak 83 pautan yang menghina agama Islam di media sosial (Mohd Ridzuan Abu Hassan, 2020). Seterusnya, terdapat segelintir individu yang mencabar kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, serta kemerosotan mutu bahasa dalam penggunaan ragam bahasa Melayu yang baku dan rasmi (Awang Sariyan, 2008; Nazri Muslim & Abdul Latif Samian, 2012; Mohd Anuar Ramli et al., 2018). Terpampang juga di dada akhbar berkenaan isu penggunaan papan tanda dalam bahasa Cina di Bagan Sekinchan dan Shah Alam (Tahir, 2019) serta isu cadangan pelaksanaan peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC) peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC) di peringkat universiti awam. Silibus Peperiksaan Bersepadu UEC ini adalah berasaskan kepada silibus sistem peperiksaan di Taiwan. Namun, hal ini mendapat bantahan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dan 300 Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta bahasa Melayu tersohor iaitu Prof Datuk Dr Teo Kok Seong (Yusuf, 2018; Khazi, 2019). Akhir sekali, isu berkaitan hak istimewa orang Melayu turut timbul di dada akhbar seperti isu cadangan meratifikasikan kesamarataan hak antara semua kaum tanpa diskriminasi.

Cadangan ini dibuat oleh presiden Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), iaitu Tan Sri Razali Ismail. Cadangan ini juga dibantah oleh ramai pihak, khususnya orang Melayu kerana menggugat kedudukan dan hak istimewa mereka sebagai penduduk peribumi di Malaysia (Ariff et al., 2018; Mohd Noor, 2018; Amarudin, 2018). Perkara ini juga bertentangan dengan peruntukan berkaitan kedudukan dan hak istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan menurut Perkara 153. Kesemua isu-isu berkaitan elemen-elemen tradisi ini perlu dipandang serius dan masyarakat perlu lebih memahami, bertoleransi dan serta meluhurkan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia bagi mewujudkan, mengekalkan keharmonian dan

kesejahteraan hidup etnik pelbagai kaum di Malaysia. Hal ini selaras dengan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Sultan Abdullah Ri'ayatuddin

Kedudukan Agama Islam sebagai agama persekutuan seperti yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan akan terus dipertahankan. Selaras dengan ajaran Islam yang syumul dan dipacu oleh prinsip Maqasid Syariah; Beta mahu kerajaan mewujudkan pentadbiran agama Islam yang inklusif; progresif; membentuk hubungan etnik dan agama yang harmoni; menyantuni kemanusiaan dan peradaban ke arah kesejahteraan sejagat. Pada masa yang sama; kerajaan Beta akan terus mempertahankan hak-hak penganut agama lain untuk terus bebas mengamalkan agama mereka secara berhemah dan aman (Petikan Titah Diraja, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif secara netnografi. Kajian Netnografi yang diperkenalkan oleh Kozinets (1998) adalah kajian berbentuk etnografi yang disesuaikan dengan keadaan dunia hari ini, iaitu menggunakan Internet. Netnografi adalah gabungan perkataan "net" dan "etnografi". Net merujuk kepada Internet atau komunikasi lain yang menggunakan teknologi. Manakala etnografi bermaksud kajian yang berkaitan dengan kepercayaan, interaksi sosial dan tingkah laku sekelompok masyarakat yang melibatkan penyertaan dan pemerhatian dalam suatu jangka masa untuk pengumpulan data (Denzin & Lincoln, 2011; Reeves, Kuper & Hodges, 2008; Berry, 1991). Kozinets (2010) menyatakan bahawa dalam menjalankan kajian netnografi, kaedah yang digunakan mestilah merujuk kepada objektif dan persoalan kajian. Kajian netnografi terdiri daripada perancangan penyelidikan, entr ee, pengumpulan data, interpretasi, memastikan standard etika, dan pembentangan penyelidikan. Kajian netnografi merupakan kaedah yang sesuai digunakan untuk mengkaji tingkah laku kelompok komuniti atas talian.

Pengumpulan data, untuk kajian ini, adalah daripada hantaran yang dibuat oleh pengkaji di halaman Facebook Indeks Kontrak Sosial. Semua hantaran menggunakan khidmat iklan berbayar Facebook, iaitu *Facebook Advertisement*. Informan yang diperolehi terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India yang berada di lokasi Malaysia, menggunakan bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan Mandarin. Informan berumur dalam lingkungan 18 tahun hingga 65 tahun dan ke atas. Prosedur kajian ini adalah selari dengan kajian Netnografi yang dicadangkan oleh Kozinets (2010), iaitu pertama, persoalan kajian, topik dan laman sosial (halaman Facebook) dikenalpasti. Kedua, masyarakat yang hendak dikaji telah dipilih, iaitu etnik Melayu, Cina dan India semenanjung Malaysia kerana kontrak sosial hanya melibatkan etnik ini dan berlaku di Semenanjung Malaysia. Kelompok ini dipilih kerana kesepakatan kontrak sosial yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia melibatkan kaum ini. Ketiga, data dikumpul melalui pemerhatian dan keterlibatan masyarakat. Keempat, data dianalisis menggunakan atlas ti dan kelima, hasil kajian ditulis, dibenteng dan dilaporkan. Berdasarkan kepada etika penyelidikan, maklumat Informan tidak didedahkan.




HASIL DAPATAN

Latar belakang Lokasi Media Sosial dan Penglibatan Individu

Sebanyak 395 komen yang diterima daripada tiga hantaran yang dilakukan. Hantaran pertama ditulis secara tidak formal iaitu "*We want to know what you think about social contract in*

Malaysia (Please take in 5 minutes to complete our survey). Details about our survey at <http://bit.do/IPKSM3>". Hantaran pertama telah dimuatnaik selama 41 hari. Manakala hantaran kedua ditulis secara formal dengan memperkenalkan diri, menyatakan tujuan kajian, kriteria responden dan senarai ahli penyelidik. Hantaran kedua dimuatnaik selama 17 hari. hantaran ketiga pula, lebih kurang sama seperti hantaran yang pertama, dan dimuatnaik selama 2 bulan 21 hari. Hantaran Jadual di bawah merupakan ringkasan maklumat kepada ketiga-tiga hantaran yang dilakukan.

Jadual 1: Ringkasan hantaran di page Indeks Kontrak Sosial

	Hantaran 1	Hantaran 2	Hantaran 3
			
Tempoh iklan	41 hari (11 Februari 2021 – 23 Mac 2021)	17 hari (11 Februari 2021 – 27 Februari 2021)	2 bulan 21 hari (15 Mac 2021 – 5 Jun 2021)
Cara dan ayat pengiklanan	Tidak formal “We want to know what you think about social contract in Malaysia (Please take in 5 minutes to complete our survey). Details about our survey at http://bit.do/IPKSM3 ”.	Formal Memperkenalkan diri, menyatakan tujuan kajian, kriteria responden dan senarai ahli penyelidikan	Tidak formal “We want to know what you think about social contract in Malaysia. This survey included four (4) parts: knowledge, attitude, practices & demography. (Please take in 5 minutes to complete our survey). Details about our survey at https://bit.do/IPKSM3 ”
Jumlah respon	244 komen 156 like, 25 laugh, 6 love, 2 care	25 komen 115 like, 8 love, 4 laugh, 1 care	126 komen 56 like, 29 laugh, 4 love
Penglibatan individu	6265 orang (engage) 141664 (reach)	3469 orang (engage) 72045 (reach)	2806 orang (engage) 60752 (reach)

Persepsi Pengguna Facebook Terhadap Kajian Kontrak Sosial dalam Perlembagaan Persekutuan

Hasil pemerhatian terhadap hantaran yang dilakukan di halaman Facebook Indeks Kontrak Sosial, lapan (8) tema telah dibentuk bagi menjawab objektif kajian iaitu: 1) sentimen perkauman, 2) sentimen ekonomi, 3) sentimen politik, 4) pengetahuan terhadap kontrak sosial, 5) istilah kontrak sosial, 6) emosi terhadap kontrak sosial, 7) isu warganegara hak istimewa orang Melayu dan 8) komen membina dan cadangan kajian akan datang. Secara keseluruhannya rata-rata pengguna Facebook yang memberi komen agak emosi dengan isu berkaitan kontrak sosial sehingga ada pengguna yang beranggapan kajian ini ingin memecah belahkan kaum. Ini jelas menunjukkan isu berkaitan kontrak sosial merupakan isu sensitif yang menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan orang Melayu dan bukan Melayu terutamanya, namun tidak boleh dipersoalkan secara terbuka. Melalui media sosial, ramai yang dilihat bebas meluahkan rasa yang terpendam di hati.

Jadual 2: Tema Reaksi Pengguna Facebook

Tema	Bilangan kod yang dikodkan
1. Sentimen perkauman	60
2. Sentimen ekonomi	35
3. Sentimen politik	25
4. Pengetahuan terhadap kontrak sosial	21
5. Istilah kontrak sosial	21
6. Emosi terhadap kontrak sosial	18
7. Isu warganegara dan Hak istimewa orang Melayu	22
8. Komen membina dan cadangan akan datang	11

Didapati, sentimen perkauman adalah reaksi yang paling ketara. Selain itu, reaksi yang diberikan terhadap ketiga-tiga hantaran di atas tidak eksklusif kepada satu tema sahaja. Misalnya, ada reaksi yang mengandungi tema sentimen perkauman dan sentimen ekonomi. Ada juga reaksi yang satunya mengandungi sentimen perkauman dan politik dan lain-lain.

a. Sentimen Perkauman

Berdasarkan kepada komen, etnik Melayu dan bukan Melayu masing-masing sama-sama mencetuskan suasana yang dilihat tidak harmoni. Saling menyalahkan antara satu sama. Penuh dengan persepsi, stereotaip dan prejudis serta kata-kata yang menyakitkan hati antara satu sama lain. Walaupun ada juga komen yang dilihat mengandungi fakta, berbalas komen dengan ilmu tetapi unsur emosi dapat dilihat dengan jelas. Persepsi adalah gambaran atau bayangan dalam hati dan fikiran tentang sesuatu (Dewan bahasa dan pustaka, 2022). Prejudis adalah kepercayaan atau perasaan negatif terhadap kelompok etnik lain. Stereotaip adalah kenyataan umum yang berlebihan tentang sesuatu kumpulan etnik sama ada positif atau negatif tanpa bukti yang jelas (Mansor Mohd Noor et al., 2006). Semua prejudis dan stereotaip yang wujud dalam komen-komen ini kebanyakannya adalah berbentuk persepsi, iaitu apa yang ada dalam fikiran masing-masing tanpa fakta yang kukuh. Dari segi persepsi, hasil pemerhatian terhadap sesetengah komen menggambarkan persepsi yang wujud dalam semua komen dari etnik Melayu terhadap bukan Melayu adalah etnik bukan Melayu tidak bersyukur dengan apa yang telah diberikan kepada mereka. Bagi Informan 7, kontrak sosial ini perlu diingatkan pada orang bukan Melayu yang suka menghina agama, negara dan tidak menghormati kaum bumiputera.

Of course, they need to be reminded of their social contract after they enjoy insulting the religion of the country and disrespecting the original people of the land.

Sementara itu, Orang bukan Melayu pula menganggap etnik Melayu beruntung kerana banyak menguasai ekonomi negara, ramai yang menjadi penjawat awam, orang luar seperti warga Indonesia dilayan lebih baik di Malaysia berbanding mereka dan mereka merasakan mereka dilayan dengan tidak adil. Komen-komen yang ditulis juga menonjolkan wujudnya stereotaip dalam kalangan pengguna Facebook dan hantaran berkenaan kontrak sosial. Orang Melayu dilabelkan sebagai malas oleh Informan 1 dan 3. Istilah Melayu malas ini telah sekian lama dilabelkan kepada orang Melayu. Informan 2 menafikan Melayu malas dengan alasan etnik Cina telah lebih 100 tahun British tempatkan di lokasi bandar untuk jalankan perniagaan. Manakala Melayu di kampung, dan selepas merdeka pemimpin Melayu telah memberikan peluang kepada orang Melayu melalui DEB iaitu belum lagi mencapai 100 tahun. Orang Melayu juga dilihat sebagai etnik yang banyak terlibat dengan gejala sosial sebagaimana komen Informan 5

sudah buang bayi ke belum..Cepat2 tunaikan tanggungjawab kamu sebagai meleis..

Informan 4 pula melabel orang bukan Melayu tidak bersih dari segi hadas sebagaimana komen berikut.

basuh berak pun tak cuci. Ada hati nk rendah2kan bangsa lain..

Etnik Cina pula dilabel sebagai dua kategori iaitu yang 'baik dan bertoleransi' dan 'pentingkan diri dan tamak' oleh Informan 6.

Only 2 Chinese in Malaysia. One is selfish and greedy. Another is tolerance and kind.

Jelas, stereotaip yang ditulis masih berbekas di hati masing-masing seperti Melayu malas, Cina pengotor dan tamak. India pula digambarkan sebagai pengikut setia British walaupun disiksa tetap setia. Daripada pemerhatian, stereotaip yang ditulis tidak terlalu ketara. Elemen stereotaip yang ditulis hanya sekadar untuk menyakitkan hati antara satu sama lain, bukan benar-benar mereka maksudkannya.

Colonial power yang bawak migrant masuk sini. Kasi balik sama dia orang (Informan 10).

...komunis yang menyamar rakyat Malaysia (Informan 10).

Apa tujuan kajian ini? Nak kumpul maklumat untuk memecah belahkan rakyat Malaysia lagi ke atau menuding jari ke arah kaum Cina dan India (Informan 12).

Komen-komen di atas adalah sebahagian daripada sikap prejudis yang ditunjukkan. Sikap prejudis daripada kedua-dua pihak Melayu dan bukan Melayu. Informan Melayu mengatakan orang bukan Melayu sebagai pendatang, komunis dan suka menunding jari kepada mereka serta kaum yang tidak cukup dengan apa yang ada, sentiasa mahukan hak sama rata. Orang bukan Melayu pula melihat orang Melayu sebagai kaum yang lemah, menindas kaum sendiri dan banyak diberikan keistimewaan.

Dapat disimpulkan bahawa sentimen perkauman masih menebal dalam diri masyarakat di media sosial. Penuh dengan persepsi dan prejudis. Stereotaip kian menipis. Hantaran yang dilakukan adalah berkenaan kajian kontrak sosial. Namun apa yang pengguna Facebook nampak adalah perkauman.

b. Sentimen ekonomi

Isu yang berkisar ekonomi bermula apabila ada komen yang mengatakan ekonomi negara ini dikuasai oleh orang Melayu. Komen ini mencetuskan komen balas yang berantai yang saling bertelagah dengan bukti dan emosi.

They don't realise they are actually in control of at least 60% of the economy
(Informan 3).

Komen ini disokong oleh Informan 15 malah beliau mengatakan lebih 85% ekonomi dikuasai orang Melayu. Golongan minoriti hanya bekerja di sektor swasta dan terus bekerja untuk membayar cukai. Informan 17 juga menyokong malah menambah orang Melayu menguasai 90% ekonomi. Informan 2 minta ditunjukkan bukti bahawa ekonomi dikuasai oleh orang Melayu. Namun Informan 3 mengatakan semua fakta telah dimanipulasikan oleh orang Melayu. Informan 2 menjelaskan bahawa beliau bersetuju jika dikatakan orang Melayu menguasai pentadbiran, tetapi jika dikata orang Melayu menguasai ekonomi beliau tidak percaya dan perlukan bukti. Jawapan daripada Informan 17 dan 3 adalah ramai orang Melayu yang memandu kereta mewah walaupun di lokasi luar bandar.

Tak pernah tengok ke, anak datuk, pandu kereta BMW, Rolls Royce, buka mulut je sembang 100 juta, tu lah Melayu asli (Informan 17).

...so true. Good example, in rural Jerantut u can see a Ferrari! What is the source of income from this place? Yet you can find a Ferrari. Its local. Not those weekend KL guys. At the highways all the food stalls on the LPT are operated by Malays (Informan 3).

Informan 2 mempersoalkan nisbah anak datuk yang ada di Malaysia berbanding jumlah keseluruhan orang Melayu.

Nisbah anak datuk berapa kerat dalam Malaysia ni berbanding jumlah orang melayu dan seluruh bumiputera semenanjung serta Borneo? Dato scammer kamu tak kira? Semua anak dato2 dalam malaysia ni guna kereta mewah ke? Kamu tak pernah tengok ke orang Cina India pandu kereta mewah? Duduk banglo mewah? Jawatan tinggi, pemilik bisnes korporat, pemilik kilang? pemilik ladang? Berapa jumlah orang Cina yang kaya raya banding dengan jumlah penduduk Cina di seluruh Malaysia? Berapa jumlah kekayaan penduduk cina

dibanding dengan jumlah penduduk cina seluruh Malaysia? Berapa angka purata jumlah kekayaan orang Cina dan India dibanding dengan purata jumlah kekayaan orang Melayu + Bumiputera lain? Kalau setakat sembang tanpa bukti, saya pun boleh sembang gajah boleh terbang. Saya dah tunjuk laporan dari FORBES yang dimiliki oleh elit Amerika. Forbes bukan milik orang melayu yang boleh dimanipulasi data oleh para menteri. Kamu lihat sendiri berapa jumlah orang dan jumlah kekayaan konglomerat Cina dalam laporan Forbes itu banding dengan orang melayu. Masih nak *deny*? Mentaliti kamu ini serupa dengan mentaliti rakyat Malaysia yang menuduh kereta Myvi kereta celaka kerana sering terbabit kemalangan dan masalah di jalan raya berbanding kereta jenama lain. Sedangkan mereka tak melihat statistik berapa jumlah pengguna Myvi berbanding jenama kereta lain (Informan 2).

Daripada laporan Forbes (2022) memaparkan 17 nama teratas yang terkaya di Malaysia adalah orang bukan Melayu. Hanya 3 daripada 50 orang nama yang disenaraikan adalah orang Melayu. Fakta yang ditunjukkan oleh Informan 2 ini menyebabkan Informan 3 merasa bangga dengan kekayaan yang dimiliki oleh kaumnya walaupun lebih 60 tahun diperintah oleh orang Melayu. Tambahnya lagi ini kerana kaumnya rajin, tidak seperti orang Melayu. Beliau kembali menegaskan bahawa walaupun, bukan Melayu memiliki kekayaan tertinggi tetapi orang Melayu yang menguasai ekonomi. Informan 2 mempersoalkan lagi adakah setelah semua etnik Cina kaya, baru dikatakan adil walaupun etnik lain miskin. Informan 2 menjelaskan bahawa kesan penjajah British yang menempatkan orang Cina di bandar dan Melayu di kampung memberi kesan kepada ekonomi. Informan 16 membalas.

The Malay control the economy. The reasoning is simple, all economic sector requires regulation and laws and those laws are drafted and created by the government of the day. And our current government is a Malay Majority government. They are the one controlling the economy, deciding on regulations and rules (Informan 16).

Dibalas pula oleh Informan 2 bahawa itu kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Perdana Menteri, bukan orang Melayu khususnya yang menguasai ekonomi. Semua aset kerajaan bukan milik satu kaum sahaja. Informan 6 yang juga merupakan etnik Cina mengatakan yang kaumnya menguasai ekonomi sebagaimana yang ditulis oleh Informan 2. Walaupun Informan 6 (melalui namanya dan daripada komen yang ditulis "*we Chinese*"), namun beliau tetap menyebelahi Informan 2. Balas Informan 3, jika kaum Cina yang menguasai ekonomi, negara ini dah makmur. Disokong pula oleh Informan 18 yang tidak menyebelahi Informan 6, katanya orang Cina kebanyakannya menguasai perniagaan eksport dan sektor tempatan dikuasai orang Melayu seperti bank-bank (CIMB, Maybank, AmBank, RHB bank, bank muamalat dan lain-lain dimiliki orang Melayu, hanya Hong Leong dan Public bank yang dimiliki orang Cina), syarikat-syarikat kereta (orang Melayu memiliki syarikat Toyota, Honda, Naza, Perodua, Nissan) dan lain-lain. Tambahnya lagi, mengatakan orang Cina kaya adalah tanggapan yang salah. Jutawan dari kalangan orang Melayu makin bertambah dan orang Melayu masih mengatakan yang kaumnya masih perlukan bantuan dan mengabaikan etnik lain. Informan 18 juga memberikan komen seperti berikut.

...if Chinese rich ah, i don't need drive a Proton Wira to work liao. I am really hate ppl say Cina kaya. I am working hard as a school teacher, yet some of Malay colleague say why you poor and can buy a house? Fact is i sacrifice all my entertainment, i using Nokia 6.1 till today for four years, not buy a luxury car just to get a house. My colleagues with plantation land from Felda already owned a two house still say Cina kaya. Their mindset have been brainwashed that only Malay hot poor. Chinese is very realistic about policy. We don't care what privilege, but at least please spend some resources to other races poor like Malay. Give them fund or land to build up stable income from business or plantation. I wish they come to SJKC and look around, see my poor students try hard to catch up but fail because of lack of govern by parents who need to work day and night to supply family need (Informan 18).

Jawapan daripada Informan 2 dan 6 adalah

You drive Proton and you complain that malay are rich? Do you think all Malay drive BMW? Do you see what Mr. Ebit Lew done nowadays? Bagaimana keadaan orang2 susah pelbagai bangsa yang dia tolong? Ebit lew tu cina ke melayu? Kaya ke miskin? Kamu dah lihat bagaimana keadaan hidup dan rumah orang2 melayu/bumiputera yang dia tolong? (Informan 2).

...my kind is Chinese. I am proud my kind are the majority for rich people. The fact is. In Malaysia Chinese are rich. If you don't drive expensive car or what is other issue. Simple say. Look at business own. Chinese are the majors. If I am proud. Is not wrong. Read the fact and research (Informan 6).

Informan 18 mengatakan syarikat-syarikat besar dikuasai oleh golongan bumiputera, perniagaan orang Cina dan India juga perlukan bantuan namun orang menganggap mereka telah kaya. Beliau tidak kisah jika golongan bumiputera mendapat hak keistimewaan tetapi jangan disebabkan oleh hak istimewa orang bumiputera, kaum lain terkorban dan tidak dipedulikan serta tidak diberi peluang. Beliau menambah lagi barang asas seperti gula dan bijiran dikuasai oleh orang Melayu, adakah itu masih belum dikatakan orang Melayu menguasai ekonomi? Beliau melihat orang Melayu menguasai pasaran tempatan, manakala orang bukan Melayu hanya mampu kuasai pasaran luar negara. Jadi beliau merumuskan bumiputera menguasai ekonomi Malaysia. Balas Informan 6, itu silap. Kerana jika pergi ke kedai-kedai binaan, perikanan, ladang padi, harga pasaran ditentukan oleh orang Cina. Orang tengah adalah orang Cina. Maka beliau mengajak agar Informan 18 bersyukur dan jangan tamak serta suka mengeluh kerana di bandar 90% kedai-kedai dimiliki oleh orang Cina. Informan 2 turut menambah bahawa raja gula adalah orang Cina, dan orang Cina juga mempunyai perniagaan barang keperluan asas tempatan yang jauh lebih besar. Beliau mohon agar Informan 18 merujuk kepada bursa Malaysia dan Forbes. Secara logiknya jika orang Melayu yang menguasai, kenapa yang berada di carta tertinggi Forbes bukan orang Melayu. Informan 6 meninggalkan komen seperti berikut untuk menjawab komen daripada Informan 3.

...Go to town always brother. Dont live in kampung. We Chinese have standard and u dont make us low because your ignorant to accept the truth. Chinese want hill. Government give. Chinese want mining government give. Chinese want estate government give. Chinese want mountain. Can make tokong. Government also give. Chinese want plantation (Cameron Highlands) government also granted. Chinese want develop condos, properties. Also approved. Apa lagi you mau complain wor. Already comfortable living should feel more grateful (Informan 6).

Kata Informan 6 orang Cina juga ada yang menjadi dato dan datin. Katanya ada dua kategori Cina iaitu yang bersyukur dan yang tidak merasa cukup dengan apa yang telah ada. Balas Informan 3, walaupun ada orang Cina yang menjadi Dato' dan Datin tetapi perlu membayar komisen kepada Dato' dan Datin Melayu untuk mendapatkan projek. Mereka perlu bekerja keras.

Daripada hasil perdebatan Informan ini, boleh dirumuskan bahawa kajian kontrak sosial ini menimbulkan sentimen ekonomi antara kaum. Masing-masing merasa tertindas dari segi ekonomi. Saling menyalahkan dan saling melihat kaum lain lebih daripada mereka.

c. *Sentimen Politik*

Terkesan dengan politik semasa, para Informan turut meninggalkan komen yang berunsur politik. Tidak ketinggalan yang mengeluarkan perkataan-perkataan sarkastik. Penyelidik dituduh menjalankan kajian di bawah parti tertentu yang sedang menerajui kerajaan oleh Informan 19. Informan 20 pula melihat ahli politik Melayu yang sedang menerajui negara sebagai perosak bangsa hingga negara menjadi kacau bilau, mengkhianati bangsa Melayu sendiri dan merompak wang negara. Pendapat ini selari dengan Informan 13 yang mencadangkan agar dihentikan kecurian harta negara dan rasuah jika ingin negara menjadi maju. Informan 21 turut menyentuh tentang kaum mana yang telah mencuri harta negara, menipu dan zalimi rakyat sendiri. Informan 26 turut terkesan dengan politik semasa negara dengan mengatakan beliau sayangkan negara, tetapi benci pada kerajaan pintu belakang. Komen Informan 26 mendapat komen balas dari Informan 27 iaitu

...yes, you can just hate that, but we all never accept anymore the government who is always made up a bed story time, debt debt debt, we haven't a money debt debt, we will be to going sold because a debt but it is turn out that will not be going to happen, tembelang dah pecah rasmi paip air pun nak msuk berita, tukar nama, buang tanda jalan, bawak masuk pelancong ramai2 waktu negara lain dah tutup sempadan, wtf thank God, for backdoor and thank to atok also, the otak of atok is so brilliant (Informan 27).

Informan 27 dilihat gembira dengan kerajaan yang disebut sebagai kerajaan pintu belakang oleh Informan 26, 23 dan Informan 6. Informan 22 juga merayu agar kontrak sosial tidak disalahgunakan oleh ahli politik demi kepentingan diri dan mengabaikan golongan miskin, ahli politik yang menjadi pemimpin perlu menjalankan tanggungjawab dengan amanah.

The social contract has been abused by the politicians and the poor Malays have suffered enough I hope the authorities will give more attention to the "have nots" to also have a quality life and at the same time help other poor ethnic citizens. We need a national patriotism. Abusing the social contract by only selfishly enriching the rich is unfair. Poor Malays need help too and so are other ethnics. Progress can only achieved by TRUST (Informan 22).

Informan 25 juga melihat kontrak sosial hanya alat oleh ahli politik demi kepentingan diri mereka.

The current political direction leads us to nowhere. Only rhetoric by leaders showing figure of improvement in our country and distorted info. We feel like neglected when come to equility is raised, well-being and merits of the people was swept under the carpet. Resources being exploited by high ranking officials, racial issues were systemically incited. Social contract is only a tool. Significantly, it only enhance the illusion to fall victim (Informan 25).

Informan 2 menegaskan bahawa tidak perlu kaitkan ahli politik yang terlibat dengan rasuah dan sebagainya dengan kaum tertentu, kerana mana-mana kaum pun masing-masing ada yang terlibat dengan isu yang tidak berintegriti. Sebaliknya beliau meminta agar menteri yang tidak berintegriti itu yang perlu ditentang, disalahkan, bukan menyalahkan etnik menteri tersebut. Bagi pandangan Informan 4 pula, beliau melihat orang India dan Cina ingin melihat negara ini ditadbir seperti negara India dan China, maka dalam proses tersebut pemimpin Melayu di rendah-rendahkan, dituduh terlibat dengan rasuah, menipu dan sebagainya. Informan 28 pula mengatakan, bukan isu perkauman yang sebenarnya menjadi masalah utama di Malaysia, tetapi isu perkauman hanya dimainkan oleh ahli politik demi mengalih isu salah guna kuasa yang dilakukan, lantikan kroni, dan orang miskin terus dibiarkan sehingga Malaysia dilihat sebagaimana sekarang.

Sentimen politik sangat menebal daripada komen-komen Informan, dan seakan dibawa bersama dengan sentimen perkauman kerana parti-parti di Malaysia kebanyakannya mewakili etnik masing-masing. Secara tidak langsung, apabila ahli politik daripada parti yang mewakili etnik tertentu melakukan sesuatu salah laku akan terpalit kepada kaum masing-masing. Kajian kontrak sosial yang terdiri daripada elemen hak istimewa orang Melayu dan bumiputera jelas dikaitkan dengan sentimen politik secara tidak langsung.

d. Pengetahuan Terhadap Kontrak Sosial

Daripada tinjauan menunjukkan kebanyakan Informan tahu apa yang dimaksudkan dengan kontrak sosial, sekurang-kurangnya mereka tahu di dalamnya ada elemen hak istimewa orang Melayu. Daripada komen yang ditinggalkan oleh Informan 32 menjelaskan maksud kontrak sosial iaitu

...sebagai persetujuan bagi orang Melayu menerima orang Cina dan India sebagai warganegara, orang Cina dan India haruslah menerima bahawasanya Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, agama Islam agama persekutuan, YDPA sebagai ketua negara serta hak istimewa orang Melayu. Jika perkara ini disentuh, taraf kewarganegaraan masyarakat Cina dan India boleh dipersoal malah boleh dilucutkan (Informan 32).

Tambah beliau lagi

...perkara yang dipersetujui sebelum Malaya mencapai merdeka, masa penubuhan Malaysia kontrak sosial tiada, kerana pengiktirafan bumiputera Sabah dan Sarawak mempunyai hak sama macam orang Melayu (Informan 32).

Namun, kebanyakan Informan bukan Melayu mempersoalkan hal tersebut kerana istilah kontrak sosial tidak wujud. Manakala Informan 31, 37 dan 39 menekankan bahawa mereka tidak menandatangani mana-mana perjanjian. Selain itu, Informan 34 dan 35 mengatakan bahawa kontrak sosial telah dimansuhkan dan perlu dipinda semula.

Daripada pemerhatian, kebanyakan informan tahu apa kontrak sosial tetapi tidak mendalam, namun ada yang cuba mengalih pengetahuan itu dengan menunjukkan pemahamannya secara literal, iaitu tiada istilah kontrak sosial dalam mana-mana bahagian Perlembagaan Persekutuan.

e. Istilah Kontrak Sosial

Istilah kontrak sosial tidak wujud dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Maka, isu ini menjadi persoalan utama kepada Informan-Informan kajian. Perkataan kontrak sosial tiada disebut, maka apa yang dikatakan kontrak sosial? Informan 42, 43, 44, 45, 39, 37, 47, 48 meninggalkan komen dengan mengatakan tiada istilah kontrak sosial dan kontrak sosial tidak wujud. Hanya pengguna 'tongkat sosial' sahaja yang percaya adanya kontrak sosial, kata Informan 48. Menjawab kepada komen yang mengatakan istilah kontrak sosial tidak wujud, Informan 33 meminta Informan lain merujuk kepada artikel 153. Dan jelasnya, tidak ditulis tetapi itu lah kontrak sosial. Tambah Informan 42 pula

...saya mengajar undang-undang perlembagaan. Perkara dan Fasal mana yang menyebut secara jelas mengenai "kontrak sosial" ni? Kalau tiada dan hanya tafsiran saja, adakah ia bersandarkan kepada "*Social Contract*" mengikut Hobbes/Locke/Rousseau? Dan sekiranya element "Melayu" itu dijadikan tonggak "*social contract*" ini, bagaimana pula dengan Perenggan 163 di dalam *Reid Commission Report*, yang meneruskan matlamat *Federation of Malaya Agreement 1948* yang menggunakan frasa-frasa "kuota" dan "perizaban dalam kadar yang munasabah" di dalam Perkara 153? (Informan 42).

Jelas, Informan 42 berlatarbelakangkan undang-undang dan beliau juga tidak jumpa istilah kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan. Dan beliau juga keliru adakah sama kontrak sosial yang disebut ini dengan kontrak sosial yang dibawa oleh ahli falsafah Barat seperti Hobbes, John Locke atau Rousseau. Informan 44 pula memberi pendapat dengan mengatakan ia tidak disebut secara harfiah, tetapi kontrak sosial itu adalah perkataan yang berkait dengan unsur-unsur sensitif yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan.

...memang tiada sebutan kontrak sosial.... Tapi apa yg dipersetujui telah disusun dalam perlembagaan...Sama macam point 18/20 Sabah Sarawak...memang tiada dalam Perlembagaan Persekutuan secara harfiah, tapi ia sekadar "*short form*" bagaimana sejarah penubuhan Malayan Union dan

penolakkannya serta beberapa lagi perkara-perkara sensitif dalam Perlembagaan Persekutuan.. *Just my two cent* (Informan 44).

Apabila disebut istilah kontrak sosial, Informan-Informan kajian seperti Informan 39 dan 40 turut persoalan jika wujud kontrak, pasti ada perjanjian yang perlu ditandatangani, dan adakah perjanjian ini boleh dibatalkan oleh mana-mana pihak? Tambah Informan 46 pula, kontrak mesti dibuat oleh dua atau lebih dari seorang pihak, bukan hanya satu pihak atau satu kumpulan sahaja.

f. Emosi Terhadap Kontrak Sosial

Emosi sangat menguasai komen-komen Informan. Tidak cukup dengan berbalas hujah, ditambah dengan kata-kata yang tidak wajar. Komen dari etnik Melayu dilihat bercampur sentimen perkauman sama seperti komen-komen etnik bukan Melayu.

...ni research nak carik gaduh ke apa (Informan 49).

Asyik nak kaji kontrak sosial. Sudah takutkah? (Informan 50).

What contract, please stop this nonsense (Informan 51).

Waste of time, nothing will change (Informan 52).

Failed long time ago.. (Informan 53).

Why so scare..no need to scare.. (Informan 54).

Tak payah lahh....hak asasi orang asal pun dipertikaikan..... kontrak apa.... mana janji janji kepada orang asal.....??? (Informan 55).

...they won't show you any social contract as they knew very well once shown all hell will broke loose.. (Informan 23).

Kontrak Sosial? Apa itu? (Informan 39).

Siapa sain bro, mana dokumen itu??? (Informan 39).

You want to know for what, nothing for you to manipulate here.. (Informan 56).

Kontrak so'sial' kepala otak bapak bangla kau (Informan 55).

Woow too many Jus Soli Gang trigger.Let them now and learning about contrat sosial (Informan 58).

Komen-komen di atas adalah antara komen-komen yang jelas mempamerkan emosi terhadap kontrak sosial. Selain daripada komen-komen di atas, komen yang dibincangkan dalam tema sebelum ini juga secara tersiratnya juga menunjukkan elemen emosi sangat menguasai Informan-Informan kajian. Dapat disimpulkan bahawa menjawab kepada

persoalan persepsi pengguna Facebook terhadap kajian kontrak sosial ini berlatar belakang pelbagai etnik menunjukkan etnik bukan Melayu paling emosi dengan kajian berkaitan kontrak sosial. Kajian sebegini boleh mencetuskan pertengkaran antara etnik kerana masing-masing saling menyalahkan kerana adanya kelompok yang tidak berpuas hati dengan elemen yang ada dalam kontrak sosial. Namun jika diperhatikan ramai juga etnik bukan Melayu yang memberikan kerjasama yang sebaiknya. Komen-komen yang diberikan juga dilihat banyak dikaitkan dengan unsur politik. Sentimen politik dan perkauman (yang secara tidak langsung berkait dengan sentimen politik) menyebabkan isu kontrak sosial ini begitu menarik perhatian etnik bukan Melayu untuk memberikan komen-komen yang negatif dan berunsur emosi.

g. Isu Warganegara dan Hak Istimewa Orang Melayu

Isu berkaitan kewarganegaraan turut disentuh Informan. Informan 59 membangkitkan isu kewarganegaraan dengan mengatakan bahawa warga asing seperti warga kepulauan Indonesia dan selatan Thailand lebih diberi keistimewaan berbanding orang bukan Melayu di Malaysia lebih berabad yang lalu. Buktinya di media sosial dapat dilihat individu-individu yang melawat saudara maranya sebelah ibu ayahnya di Indonesia, dan empunya media sosial tersebut adalah graduan IPTA. Informan 32 merasakan Informan 59 kurang biasa dengan sejarah asal penduduk rakyat Malaysia dan Indonesia serta negara-negara berdekatan yang lain yang asalnya dari Nusantara.

Sangat penting buat anak bangsa Orang Asli/Asal, Melayu, Siam, Serani, Baba Nyonya iaitu kaum peribumi dan bumiputra di semenanjung Tanah Melayu@Malaysia untuk bersatu memelihara keluhuran perlembagaan Malaysia yang kian menipis melalui desakan kaum pendatang adalah wajar untuk melucutkan hak kewarganegaraan kepada kaum pendatang yang dengan sengaja mencemarkan kedaulatan seperti yang termaktub di dalam perlembagaan Malaysia. Saya luahkan ketidakpuasan terhadap perilaku kaum pendatang kepada kaum peribumi dan bumiputra (Informan 62).

Informan 62 merasakan adalah wajar hak kewarganegaraan dilucutkan jika ada rakyat yang sengaja mencemarkan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Informan 58 mengatakan ramai orang bukan Melayu yang telah dilucutkan taraf kewarganegaraan dan Informan 63 mengatakan kaum Informan 58 adalah pendatang. Informan 60 juga mengatakan orang bukan Melayu beruntung diterima menjadi warganegara. Isu kewarganegaraan yang disentuh oleh informan-informan ini adalah gambaran emosi yang meluap dalam diri mereka kesan daripada persepsi dan prejudis yang ada dalam diri masing-masing.

Hak istimewa orang Melayu juga turut menjadi perdebatan Informan. Informan 15, 29, 3 dan 18 menyentuh tentang hak istimewa orang Melayu dari segi meritokrasi dalam pendidikan, ekonomi dan dalam menentukan ketua-ketua negara yang dipilih. Informan bukan Melayu melihat hak istimewa orang Melayu menyebabkan layan yang tidak adil terhadap kaum bukan Melayu. Informan 29 juga merasakan bahawa hak istimewa ini telah disalah guna oleh pihak berwajib.

h. Komen Membina dan Cadangan akan Datang

Walaupun banyak komen yang berunsurkan sentimen, tidak kurang banyak juga komen-komen yang membina dan cadangan-cadangan yang diberikan dalam hantaran berkaitan kajian kontrak sosial di Facebook. Informan 3 setelah berbalas-balas komen, akhirnya beliau mengatakan bahawa beliau bersetuju bahawa tanpa mengira kaum, apa yang salah tetap salah. Informan 8 pula berharap agar kontrak sosial dapat terus diperkukuhkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Informan 64 turut mengingatkan bahawa berhati-hati dalam berkata-kata untuk mengelakkan daripada salah faham. Apa yang menarik dari Informan 22 pula adalah jangan ada pihak yang menyalahgunakan kontrak sosial demi kepentingan diri dan pihak berwajib seharusnya memberi perhatian kepada orang miskin tanpa mengira kaum, serta amanah adalah kuncinya.

I hope the authorities will give more attention to the "have nots" to also have a quality life and at the same time help other poor ethnic citizens. We need a national patriotism. Abusing the social contract by only selfishly enriching the rich is unfair. Poor Malays need help too and so are other ethnics. Progress can only be achieved by TRUST (Informan 22).

Selain daripada komen-komen yang diberi, terdapat beberapa cadangan yang turut ditinggalkan oleh pengguna Facebook dalam kajian ini antaranya adalah

Saya suka para penyelidik membuat kajian tentang pengkhianat Jepun, British, dan PKM. Yang mana terang-terang menentang sultan 2 di Tanah Melayu. Kajian juga mengenai syarat2 penyerahan senjata PKM 1989 dan sebelumnya, dan apa syarat kepada ahli2 PKM yang terdiri daripada Melayu, Cina dan kaum lain semasa itu. PKM dan PKK ada 7 batalion di tanah Melayu dan Borneo. Ikut perlembagaan adakah mereka layak mendapat warganegara Malaysia. Minta penjelasan, s7 MKN (Informan 66).

Lebih baik buat kajian tentang bagaimana nak hantar pulang rakyat Rohingya, Myanmar, Bangla, Pakistan dan Indonesia yang kahwin dengan perempuan Melayu dan buka perniagaan (Informan 12).

Zaman dah berubah.. kaji untuk masa depan supaya bangsa melayu dapat bersaing dengan bangsa lain. Melayu di lindungi tapi ketinggalan ..apa yang sebenarnya terjadi (Informan 65).

Sebaiknya kontrak sosial itu yang dipersoalkan kedudukannya (Informan 67).

...just buat ia sebagai matapelajaran, *then* semua rakyat Malaysia akan tahu isi kandungannya, seterusnya dapat menghayati Serta mendalami maksud setiap perenggan dalam PERLEMBAGAAN....ini yang sepatutnya DIBUKUKAN.... (Informan 30).

Why not asking progressive questions like: 1) Should the Constitution be amended to suit the current society? 2) Suggestion to enhance the rakyat's knowledge on Constitution 3) Are the Constitution's contents still relevant

today? 4) What's the shortcomings of our Constitution? 5) How can we improve the spirit of the Constitution? (Informan 68).

Cadangan-cadangan yang diberikan ini menunjukkan bahawa kontrak sosial ini perlu diperkukuhkan lagi, dan diberikan lagi kefahaman kepada rakyat Malaysia. Masih banyak kajian-kajian yang perlu dilakukan. Persoalan-persoalan yang timbul dilihat berbeza mengikut etnik. Jika Informan Melayu, mereka melihat kontrak sosial perlu dimantapkan dan diperkukuhkan lagi. Manakala Informan bukan Melayu melihat sejauh mana kontrak sosial boleh dipersoalkan, dipinda dan adakah ia masih relevan.

KESIMPULAN

Komen-komen Informan etnik bukan Melayu menggambarkan mereka kebanyakannya mempunyai persepsi negatif terhadap kontrak sosial meskipun komen yang ditulis adalah seperti "tiada istilah kontrak sosial", "tidak pernah tandatangani mana-mana kontrak", rasa tidak puas hati dengan etnik Melayu dan komen-komen terhadap ahli politik. Namun, secara tersirat boleh difahami bahawa etnik bukan Melayu kurang berpuas hati dengan kontrak sosial yang terkandung di dalam Perlembagaan dan mengaitkan dengan senario politik semasa. Mereka terbawa-bawa dengan sentimen bangsa dan agama serta hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera yang sering dimainkan oleh media yang tidak bertanggungjawab dan ahli politik yang mempunyai kepentingan sendiri. Isu integriti, rasuah dan ketidaktelusan dilihat oleh kebanyakan Informan adalah didominasi oleh ahli politik Melayu. Ini menyebabkan banyak komen dari bukan Melayu yang dilihat terbawa-bawa dengan sentimen politik perkauman.

Daripada pemerhatian pengkaji, luahan realiti Informan bukan Melayu ini banyak dikaitkan dengan rasa kurang senang mereka terhadap isu-isu politik yang berkaitan dengan rasuah dan ketidaktelusan kepimpinan ahli politik Melayu dalam mentadbir negara. Ia bukannya disebabkan persepsi negatif kepada etnik Melayu secara keseluruhannya. Selain itu, isu kesaksamaan dan keadilan dalam kontrak sosial juga perlu jelas difahami oleh semua kaum yang ada. Kontrak sosial yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia adalah unik berdasarkan sejarah dan sosial masyarakat Malaysia dan ia berbeza dari konteks masyarakat Barat. Perdebatan antara etnik Melayu dan bukan Melayu dari dapatan kajian ini tidak boleh dipandang enteng. Isu-isu yang ditimbulkan perlu diselusuri rapi dan ditangani dengan baik oleh pelbagai pihak agar perpaduan yang dikecapi adalah perpaduan yang lahir dari hati yang saling menerima antara satu sama lain.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah dana Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi. Tajuk penyelidikan: Pembinaan indeks pengetahuan, pemahaman dan penghayatan kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Kod projek: FRGS/1/2019/SS06/USIM/03/2.

BIODATA

Khadijah Muda merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Teras dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Email: khadijahmuda@usim.edu.my

Siti Nor Azhani Mohd Tohar merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Teras dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Email: azhanitohar@usim.edu.my

Siti Nor Baya Yacob merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Teras dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Email: snorbaya@usim.edu.my

Khairul Anwar @ Johari Mastor merupakan professor di Pusat Citra Universiti dan felo penyelidik di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: kam2000@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Abd. Manaf Hj Ahmad. (2009). *Kontrak sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Aziz Bari. (2008). *Perlembagaan Malaysia: Teori & praktis*. Shah Alam: Arah Publication Sdn Bhd.
- Asrol Awang. (2019, 16 April). 209 laporan hina Agong direkodkan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/445302/209-laporan-hina-agong-direkodkan>
- Bernama. (2019, 11 November). Lebih 21,000 maklumat diterima daripada orang awam menerusi platform 3R. *Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)*. <https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-clippings/lebih-21-000-maklumat-diterima-daripada-orang-awam>
- Berry, K. (2011). The ethnographer's choice: Why ethnographers do ethnography. *Cultural Studies - Critical Methodologies*, 11(2), 165-177. <https://doi.org/frqnts>
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2011). *The Sage handbook of qualitative research*. USA: Sage Publications.
- Forbes. (2022). *Malaysia's 50 Richest*. <https://www.forbes.com/malaysia-billionaires/list/#tab:overall>
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor. (2018, 4 November). Himpunan bantah ICERD berlangsung aman. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/11/494558/himpunan-bantah-icerd-berlangsung-aman>
- Khadijah Muda, Nazri Muslim, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, & Fazilah Idris. (2021). The social contract or traditional elements in the Federal Constitution of Malaysia: An analysis of its application. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(11), 1001–1017. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i11/10539>
- Khazi Haika. (2019, 31 Mac). Tak adil kepada lepasan SPM, STPM jika iktiraf UEC. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/547442/tak-adil-kepada-lepasan-spm-stpm-jika-iktiraf-uec>
- Kozinets, R. V. (1998). On netnography: Initial reflections on consumer research investigations of cyberspace. *Advances in Consumer Research*, 25, 366–371.
- Kozinets, R. V. (2010). *Netnography: Doing ethnographic research online*. Singapore: SAGE.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz, & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. (2006). *Hubungan etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Prentice hall.
- Mastura Abd Wahab, Khadijah Muda, & Wan Fazrul Azdi Wan Razali. (2020, 4 November). *Islam sebagai agama persekutuan dalam kontrak sosial di Malaysia* (Conference paper). Dibentangkan di International Conference on Aqidah, Religions and Social Science (SIGMA10) 2020. Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia, pp. 22-29.
- Mior Kamarulbaid Mior Shahid. (2019, 4 Februari). Perbuatan hina Agong tak boleh dimaaf. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/02/527442/perbuatan-hina-agong-tak-boleh-dimaaf>
- Mohd Rizal Yaakop, & Shamrahayu A. Aziz. (2014). *Kontrak sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 pengikat jati diri bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Mohd Salleh Abas. (1985). *Unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Ridzuan Abu Hassan. (2020, 28 Julai). Jakim kenal pas 431 aduan, 83 pautan hina Islam di media sosial. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/94386/BERITA/Nasional/Jakim-kenal-pasti-431-aduan-83-pautan-hina-Islam-di-media-sosial>
- Mohd Izatul Izuan Tahir. (2019, 18 April). Kesal Papan tanda tulisan Cina. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/24227/EDISI/Selangor-KL/Kesal-papan-tanda-tulisan-Cina>
- Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi, Sasikumar Kamalanathan, Ajmain @ Jimaain Safar. (2019). Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam. Dalam Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (87-100). Skudai: UTM.
- Nor Afzan Mohamad Yusuf. (2018, 16 Julai). 300 NGO bantah UEC. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/449781/300-ngo-bantah-uec>
- Nur Atikah Ibrahim, & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam media sosial: perspektif lakuan bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 269-288.
- Reeves, S., Kuper, A., & Hodges, B. D. (2008). Qualitative research methodologies: ethnography. *British Medical Journal*, 337, a1020. <https://doi.org/10.1136/bmj.a1020>
- Rohayati Paidi & Asmadi Hassan. (2021). Berita Pakatan Harapan: Analisis Terhadap Tingkah Laku Pengguna Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(3), 18-37.
- Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, & Nasrudin Subhi. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118.
- Shamsul Kamal Amarudin. (2018, 18 November). Perhimpunan besar-besaran 8 Disember bantah ICERD. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/499267/perhimpunan-besar-besaran-8-disember-bantah-icerd>
- Syahira Omar, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2017). Isu penghinaan terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis kandungan akhbar dalam talian. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-18.
- Syed Umar Ariff, Mohd Iskandar Ibrahim, Nor Ain Mohd Radhi, Ahman Suhael Adnan, & Faris Fuad. (2018, 9 Disember). SUHAKAM akan terus nasihat kerajaan ratifikasi ICERD. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/507179/suhakam-akan-terus-nasihat-kerajaan-ratifikasi-icerd>
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din, & Hanif Md Lateh @ Junid. (2017). Raja-Raja dalam Penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: Satu kajian sejarah perundangan. *Journal of Nusantara Studies*, 2(1), 27-39. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss1pp27-39>
- Wan Amizah Wan Mahmud, & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Media baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes penghinaan Raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 406-422. <https://doi.org/hww2>